

13 JAN 2009.

Sepuluh lagi universiti adakan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar



KEHANGATAN bahang pilihan raya kampus kini kembali apabila baki 10 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tidak melaksanakannya tahun lalu mengadakan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009, bulan ini.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia terawal mengadakan pilihan raya itu Khamis lalu di empat lokasi, iaitu Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kampus Bandar, Kolej Kediaman Melewar dan Kolej Kediaman Perwira.

Proses pembuangan undi mulai jam 9 pagi hingga 4.30 petang menggunakan sistem e-voting itu berjalan lancar membabitkan 16 calon merebut tujuh kerusi umum, manakala 13 kerusi fakulti dimenangi tanpa bertanding.

Pada minggu ini, enam lagi IPTA melaksanakan pemilihan MPP masing-masing bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) hari ini, manakala Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dijadualkan lusa.

Di Usim, lapan kerusi umum dan 16 fakulti direbut pada pilihan raya bermula jam 9 pagi hingga 4.30 petang hari ini.

Sebanyak 45 kerusi pula dipertandingkan di UTM membabitkan 37 calon bagi merebut 15 kerusi umum dan 48 calon lagi bagi 28 fakulti. Calon Fakulti



PELAJAR UTHM mendaftar untuk mengundi pada pemilihan MPP sesi 2008/2009, baru-baru ini.

“29 kerusi akan dipertandingkan membabitkan lima kerusi umum dan 24 fakulti, manakala hari penamaan calon juga diadakan Jumaat ini”

Mohd Hakimi Mohd Badrol
Penolong Pengarah Pejabat Perhubungan Awam UIAM

Kejuruteraan Awam dan Fakulti Alam Bina menang tanpa bertanding pada hari penamaan Khamis lalu.

Sementara itu, 34 kerusi dipertandingkan bagi memilih pucuk pimpinan baru MPP UKM membabitkan 11 kerusi umum dan 23 fakulti.

Ketua Penolong Pendaftar Kanan UKM, Abd Razak Hussin, berkata seramai 16,782 pelajar Ijazah Sarjana Muda sesi akademik 2008/2009 layak mengundi kali ini.

Di USM, 37 kerusi diper-

tandingkan membabitkan lima kerusi umum dan 29 fakulti, sementara UPNM pula bakal menyaksikan perebutan lima kerusi umum serta lapan fakulti.

Kampus induk UiTM Shah Alam akan mempertandingkan 28 kerusi umum serta 22 fakulti, namun sehingga semalam jumlah kerusi menjadi rebutan di kampus cawangan belum disahkan.

Sementara itu, Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menetapkan tarikh pilihan raya kampus masing-masing pada Isnin depan.

Sebanyak sembilan kerusi umum dan 13 fakulti akan dipertandingkan di UM dan 31 calonnya akan ditetapkan pada hari penamaan esok.

UPM pula akan mengadakan hari penamaan calon pada Jumaat ini bagi mene-

tapkan wakil merebut 16 kerusi umum serta 32 fakulti dipertandingkan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pejabat Perhubungan Awam UIAM, Mohd Hakimi Mohd Badrol, berkata 29 kerusi akan dipertanding

membabitkan lima kerusi umum dan 24 fakulti, manakala hari penamaan calon juga diadakan Jumat ini.

Oktoper lalu, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, berkata semua IPTA diberi kebebasan menentukan tarikh pilihan raya kampus masing-masing bagi memilih ahli MPP sesi 2008/2009 berikutan kekangan termasuk pelajar berdepan minggu peperiksaan dan apungan (ulang kaji) yang menyebabkan pemilihan itu tidak dapat dijalankan serentak.

Sebanyak 10 IPTA mengadakan pemilihan MPP sesi 2008/2009 pada Oktoper hingga Disember tahun lalu, iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Darul Iman Malaysia serta Universiti Malaysia Kelantan.